


Ringkasan Eksekutif



درف رانچن كاوسن خاص كوتا راج - فاوه قوترا

Draf Rancangan Kawasan khas

KOTA RAJA – PAUH PUTRA



درف رانچن كاوسن خاص كوتا راج - قاوه فوترا

Draf Rancangan Kawasan Khas

KOTA RAJA – PAUH PUTRA

Ringkasan Eksekutif



KERAJAAN NEGERI PERLIS



MAJLIS PERBANDARAN KANGAR

PLAN Malaysia

(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)

**BAHAGIAN RANCANGAN PEMBANGUNAN
PEJABAT PROJEK ZON UTARA**

PLANMalaysia@Perlis

**JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA
NEGERI PERLIS**

©Hakcipta Terpelihara

Semua hak terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara, sama ada elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau apa jua cara sekalipun tanpa mendapat izin daripada Kerajaan Negeri Perlis, PLANMalaysia dan Majlis Perbandaran Kangar.

1 PENDAHULUAN

Definisi Dan Peruntukan Akta 172	1
Kandungan RKK	2
Keperluan Penyediaan RKK	3

2 PROFIL KAWASAN RKK DAN PENEMUAN

Profil Kawasan RKK	4
Guna Tanah Semasa, 2021	5
Isu Dan Masalah	6

3 RANGKA PERANCANGAN

Matlamat, Objektif & Konsep Perancangan	8
---	---

4 PELAN INDUK PEMBANGUNAN

Pelan Induk Landskap	10
Pelan Induk Reka Bentuk Bandar	11
Pelan Induk Saliran Dan Perparitan <i>Royal District & Satellite Village District</i>	12
Pelan Induk Pengangkutan Dan Lalu Lintas	12
Pelan Induk Pelancongan	13

5 CADANGAN PEMBANGUNAN

Strategi Perancangan & Cadangan Pembangunan RKK Kota Raja – Pauh Putra	14
Rumusan Cadangan Pembangunan	41



Kota Raja – Pauh Putra 2035 **SEPINTAS LALU**

1 MATLAMAT

5

OBJEKTIF

6

STRATEGI
PERANCANGAN

34

CADANGAN
PROJEK

13

CADANGAN
PROGRAM

RM 200.92 juta
ANGGARAN KOS PELAKSANAAN



DEFINISI DAN PERUNTUKAN AKTA 172

“ Rancangan Kawasan Khas (RKK) merupakan satu pelan cadangan terperinci yang mengandungi cadangan-cadangan dan tindakan khusus untuk satu kawasan yang telah dikenal pasti oleh Pihak Berkuasa Negeri / Pihak Berkuasa Perancang Tempatan dan mempunyai kepentingan khas bagi tujuan berikut

*Pengolahan khas dan terperinci dengan caj pemajuan
Pemajuan semula dan pengelokan
Pemuliharaan atau amalan pengurusan*

RANCANGAN KAWASAN KHAS KOTA RAJA – PAUH PUTRA disediakan selaras dengan peruntukan Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) mengikut subseksyen 16B (1),(2) dan (3).

SUBSEKSYEN 16B (1), AKTA 172

Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri (JPBD) atau Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) boleh menyampaikan kepada Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) cadangan untuk menyediakan (penetapan) RKK bagi sesuatu kawasan bagi tujuan berikut pengolahan khas dan terperinci dengan cara pemajuan, pemajuan semula, pengelokkan, pemuliharaan, amalan pengurusan, sebahagiannya satu kaedah dan sebahagiannya kaedah yang lain.

SUBSEKSYEN 16B (2), AKTA 172

Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) akan menentukan sama ada Pengarah JPBD Negeri atau Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) yang berkenaan diberi tanggungjawab menyediakan RKK.

SUBSEKSYEN 16B (3), AKTA 172

- ❑ RKK hendaklah disediakan dengan prosedur atau cara yang sama sebagaimana Rancangan Tempatan (RT) disediakan.
- ❑ RKK hendaklah mengandungi panduan yang terperinci berkenaan dengan cara pelaksanaan dan pengurusannya.
- ❑ RKK hendaklah mempunyai kuat kuasa seperti sesuatu RT.



Rancangan Fizikal
Negara Ke-3
(RFN 3)
Seksyen 6B,
Akta 172



Rancangan
Struktur
Negeri Perlis
2030
Seksyen 8,
Akta 172



Rancangan
Tempatan
Majlis Perbandaran
Kangar, Perlis 2035
(Penggantian)
Seksyen 12,
Akta 172



Rancangan
Kawasan Khas
Kota Raja – Pauh Putra
Seksyen 16B,
Akta 172



KANDUNGAN RKK

Fungsi utama penyediaan RKK Kota Raja – Pauh Putra adalah bertujuan untuk menterjemahkan polisi, dasar dan strategi serta memperincikan pelan pembangunan sesuatu kawasan seperti yang telah dicadangkan di dalam rancangan-rancangan pemajuan iaitu Rancangan Fizikal Negara Ke-3 (RFN 3), Rancangan Struktur Negeri Perlis 2030 dan Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Kangar, Perlis 2035 (Penggantian).

PELAN INDUK PERANCANGAN PEMBANGUNAN

- Pelan Induk Mengikut *District* Pembangunan
- Pelan Induk Landskap
- Pelan Induk Reka Bentuk Bandar
- Pelan Induk Lalu Lintas dan Pengangkutan
- Pelan Induk Infrastruktur dan Utiliti
- Pelan Induk Pelancongan

PELAN TINDAKAN PEMBANGUNAN

- Mengandungi lokasi kawasan-kawasan tindakan dan komponen-komponen cadangan pembangunan serta disokong dengan keterangan cadangan projek.
- Ilustrasi cadangan pembangunan.

PELAN PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN

- Perincian fasa, kos, agensi pelaksana dan pendekatan pelaksanaan bagi setiap projek dan program.
- Langkah-langkah pengurusan bagi sesebuah kawasan yang memerlukan tindakan khusus

GARIS PANDUAN KHUSUS PERANCANGAN

- Pembangunan di Sekitar Istana
- Perumahan
- Komersial
- Industri
- Pembangunan di Koridor Sungai
- Reka Bentuk Bandar
- Landskap
- Utiliti dan *Common Utility Trenching*

KEPERLUAN PENYEDIAAN RKK

Rancangan Kawasan Khas Kota Raja – Pauh Putra adalah amat bertepatan sebagai inisiatif meningkatkan imej Bandar Arau serta menyokong dasar dan strategi yang telah digariskan di dalam Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Kangar, Perlis 2035 (Penggantian). Guna tanah utama kawasan ini adalah pertanian.

1



2



Memberikan penekanan terhadap pengukuhan imej dan identiti Bandar Arau sebagai bandar diraja dengan penerapan reka bentuk yang tersendiri di samping menjana pengukuhan ekonomi bandar serta memantapkan sektor pertanian.

Meningkatkan usaha dalam membangunkan, memelihara dan memulihara imej Bandar Arau yang mempunyai potensi tarikan pelancongan warisan dan budaya.

3



4



Potensi pembangunan Bandar Arau dan Pauh Putra sebagai pusat pendidikan dengan adanya institut pengajian tinggi awam yang boleh digembelngkan untuk kolaborasi bersama usahawan bagi merealisasikan Revolusi Industri 4.0 (IR4).

Penambahbaikan sistem lalu lintas serta kemudahan pengangkutan awam sebagai sistem perhubungan utama kawasan kajian dengan kawasan sekitarnya.

5




6

Menaik taraf infrastruktur untuk meningkatkan akses dan kemudahsampaian dan utiliti yang sistematik.


Profil Kawasan RKK Dan Penemuan

2


PROFIL KAWASAN RKK



TAHAP KEMUDAHSAMPAIAN



GUNA TANAH SEMASA, 2021



PETUNJUK

PERUMAHAN	465.51 Hek	INFRASTRUKTUR & UTILITI	46.58 Hek
<ul style="list-style-type: none"> Perumahan Terancang Kampung 		<ul style="list-style-type: none"> Bekalan Elektrik Bekalan Gas / Petroleum Bekalan Air Pengairan dan Perparitan Telekomunikasi Pembentungan 	
KOMERSIAL	39.99 Hek	TANAH LAPANG & REKREASI	11.81 Hek
<ul style="list-style-type: none"> Teres Bangunan Sesebuah Kegunaan Khusus 		<ul style="list-style-type: none"> Tanah Lapang Kawasan Hijau 	
INDUSTRI	32.60 Hek	TANAH KOSONG	32.35 Hek
<ul style="list-style-type: none"> Industri 		<ul style="list-style-type: none"> Tanah Tidak Diusahakan Tanah Pembangunan 	
INSTITUSI & KEMUDAHAN MASYARAKAT	805.01 Hek	PERTANIAN	1,602.87 Hek
<ul style="list-style-type: none"> Pendidikan Kesihatan Keagamaan Perkuburan Keselamatan Kegunaan Kerajaan / Badan Berkanun Kemudahan Awam 		<ul style="list-style-type: none"> Tanaman 	
PENGANGKUTAN	209.88 Hek	BADAN AIR	58.29 Hek
<ul style="list-style-type: none"> Pengangkutan Darat Jalan 		<ul style="list-style-type: none"> Semula jadi 	

TEPU BINA

1,599.57hektar
48.40%

BUKAN TEPU BINA

1,705.32hektar
51.60%

PERTANIAN



↑ 48.50%

TANAH LAPANG & REKREASI



↓ 0.36%

ISU DAN MASALAH

Guna Tanah

- ❑ Kemudahan tanah lapang dan rekreasi yang tidak mencukupi.
- ❑ Kekurangan pusat penjaja yang terancang di lokasi strategik.
- ❑ Ketiadaan penyediaan dewan komuniti dan pusat sukan yang terancang di kawasan Pauh.



Reka Bentuk Bandar

- ❑ Laluan kabel elektrik dan kabel telekomunikasi sepanjang jalan menghasilkan pemandangan yang kurang menarik di sepanjang jalan utama terutamanya Jalan Protokol iaitu Jalan Tuanku Syed Sirajuddin dan Jalan Raja.
- ❑ Kawasan kajian tidak mempunyai ruangan awam (*public realm*) yang jelas. Tiada kawasan lapang berbentuk dataran atau taman rekreasi yang boleh dijadikan ruangan awam untuk penduduk menzahirkan aktiviti rekreasi bagi menjadikan bandar lebih ceria.
- ❑ Tiada laluan basikal menghubungkan antara kawasan tumpuan bagi memupuk aktiviti berbasikal.



Landskap

- ❑ Landskap di Jalan Tuanku Syed Sirajuddin dan Jalan Raja kurang menyerlahkan identiti sebagai Jalan Protokol.
- ❑ Sebahagian besar dari kawasan perniagaan Kompleks Tok Arau tidak diterapkan dengan tanaman pokok-pokok yang bersesuaian untuk meningkatkan nilai estetika kawasan.
- ❑ Hab pengangkutan awam kekurangan penerapan landskap kejur dan lembut serta perlu penambahbaikan dengan penanaman pokok dan perabot jalan bersesuaian.
- ❑ Kesesuaian pemilihan spesies pokok kurang dititikberatkan kerana percampuran pelbagai spesies pokok di tepian Sungai Arau kurang berupaya untuk menghasilkan landskap yang menarik.
- ❑ Jalan Syed Hussein-Jalan Pauh, Jalan Padang Siding dan Jalan Guar Nangka tidak ditanami dengan pokok yang bersesuaian secara terancang.



NAT POKOK GETAH

Pelancongan

- ❑ Tiada kemudahan pusat informasi yang menyalurkan maklumat berkenaan destinasi pelancongan.
- ❑ Kekurangan tempat pelancongan yang menarik untuk dikunjungi oleh pelancong dari dalam dan luar negara.



Pengangkutan Dan Lalu Lintas

- ❑ Jaringan jalan dalam kawasan kajian masih beroperasi di bawah tahap kapasiti jalan. Walau bagaimanapun, konflik tetap akan timbul apabila membabitkan sambungan jalan antara jalan tempatan dan jalan Jabatan Kerja Raya (JKR) dari segi sempadan penyelenggaraan, rizab jalan dan juga fungsi jalan.
- ❑ Halangan pembesaran persimpangan di masa hadapan adalah disebabkan oleh masalah peletakan infrastruktur dan utiliti di bahu atau pinggir jalan berdekatan dengan persimpangan yang boleh mewujudkan konflik atau menjejaskan pergerakan harian orang awam ketika proses pengalihan dan naik taraf berlaku.



Infrastruktur Dan Utiliti

- ❑ Keterdedahan beberapa kawasan rendah dan pinggir sungai kepada kejadian banjir kilat.
- ❑ Pencemaran dan penurunan kualiti air Sungai Arau boleh menjejaskan kualiti hidup dan persekitaran Kota Raja – Pauh Putra.
- ❑ Sistem pembetungan dan rawatan kumbahan didominasi oleh tahap rawatan yang rendah dengan kewujudan banyak *unregulated septic tank*. Kawasan kajian masih tidak mempunyai Sistem Pembetungan Berpusat Serantau yang lebih efisien dan sistematik.
- ❑ Kekurangan kemudahan kitar semula bagi mendekatkan masyarakat dengan aktiviti kitar semula dan penjanaan ekonomi.
- ❑ Prasarana digital yang masih tidak meluas, keupayaan yang rendah dan kestabilan yang tidak konsisten.



MATLAMAT, OBJEKTIF & KONSEP PERANCANGAN



Matlamat

Merancang pembangunan Kota Raja – Pauh Putra dengan pengukuhan **IDENTITI DIRAJA** bercirikan **WARISAN DAN BUDAYA** serta pembangunan **INKLUSIF, LESTARI** dan **SEJAHTERA** berteraskan **EKONOMI BANDAR** serta **PERTANIAN MODEN** yang mampan



Objektif

IMEJ & IDENTITI

Menonjolkan dan mengukuhkan imej dan identiti Bandar Raja Arau

EKONOMI BANDAR BERDAYA TAHAN

Memantapkan pertumbuhan ekonomi mikro bandar dengan pengenalan sektor ekonomi baharu dan meneroka penggunaan teknologi terkini dalam meningkatkan produktiviti pertanian

PELANCONGAN WARISAN DAN BUDAYA

Memperkuhkan penawaran kepelbagaian aset pelancongan di peringkat, negeri, negara dan antarabangsa

INISIATIF BANDAR PINTAR

Menerapkan perancangan bandar pintar secara holistik bagi semua bidang pengurusan dan perancangan bandar

PRASARANA MAMPAN

Menambah baik prasarana yang merangkumi pengangkutan awam efisien, jalan raya sistematik serta infrastruktur dan utiliti holistik dan lestari



Konsep Perancangan


Berpaksikan **KEPADA RAJA PENAUNG RAKYAT KHALIFATULLAH FIL ARD (SEORANG KHALIFAH DI BUMI)**

Ketua Negeri, Islam sebagai Agama Rahmah & Menitikberatkan Kasih Sayang

Perancangan pembangunan berlandaskan :

3 ASAS HUBUNGAN

Manusia Dengan Penciptanya
Manusia Dengan Manusia
Manusia Dengan Alam Sekitar



5 PRINSIP UTAMA

- Ketaqwaan Kepada Tuhan
- Keindahan Bandar
- Kesejahteraan Sosial
- Kemakmuran Ekonomi
- Kelestarian Alam Sekitar



6 Strategi Perancangan (SP)


34 Cadangan Projek



13 Cadangan Program



Pelan Konsep Perancangan



Royal District

ROYAL DISTRICT mengandungi istana dan kegunaan berkaitan dengan raja. *District* ini juga merupakan kawasan pentadbiran, perniagaan, kediaman dan pertanian. Pembangunan di kawasan *Royal District* akan diberi tumpuan dengan langkah penambahbaikan serta cadangan baharu bagi komponen bandar diraja untuk meningkatkan imej, identiti serta mewujudkan *sense of place* Kota Raja. Mempelbagaikan ekonomi bandar serta memperkukuhkan asas ekonomi pertanian semasa melalui pemodenan sektor pertanian.

Satellite Village District



SATELLITE VILLAGE DISTRICT adalah kawasan kediaman terancang bercirikan desa. *District* ini akan menjadi *flagship* dalam aplikasi konsep kejiranan dan elemen kediaman pintar bersesuaian dengan peletakkannya di antara kawasan Kota Raja – Pauh Putra. Guna tanah semasa kawasan ini majoriti terdiri dari kediaman dan pertanian.



Education, Research & Incubator District


EDUCATION, RESEARCH & INCUBATOR DISTRICT merupakan pusat tumpuan pendidikan utama yang menempatkan institut pengajian tinggi terulung di Negeri Perlis. *Education, Research & Incubator District* akan menempatkan inkubator perniagaan dan industri dengan kerjasama serta kawal selia Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Teknologi Mara Cawangan Perlis Kampus Arau.

Pelan Induk Pembangunan

4

PELAN INDUK LANDSKAP

Pelan induk landskap memperincikan cadangan landskap lembut (cadangan tanaman) dan landskap kejur (komponen termasuklah lampu jalan, wakaf, papan tanda nama, arah dan informasi serta tong sampah) bagi kawasan yang telah dikenal pasti memerlukan penambahbaikan landskap.




Royal District

PELAN LANDSKAP BAGI PEMBANGUNAN SEDIA ADA :

- Jalan protokol dan jalan-jalan utama termasuklah Jalan Tuanku Syed Sirajuddin, Jalan Raja, Jalan Padang Nyu, Jalan Rani Estate dan Jalan Syed Hussein
- Komponen diraja yang terdiri daripada pintu masuk Istana Arau, Galeri Diraja Arau, Makam Diraja dan Arca Bunga Emas
- Kawasan tumpuan (*focal point*) yang terdiri daripada kawasan hab pengangkutan awam dan Kompleks Tok Arau
- Kawasan warisan iaitu bangunan kedai lama

PELAN LANDSKAP BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN BAHARU :

- Plaza Kota Diraja Arau
- Dataran Kota Diraja Arau
- Arau Festival Market
- Taman Poket Diraja



Satellite Village District

PELAN LANDSKAP BAGI PEMBANGUNAN SEDIA ADA :

- Jalan-Jalan Utama
- Persimpangan Empat Pekan Pauh

PELAN LANDSKAP BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN BAHARU :

- Kompleks Sukan dan Dewan Pauh
- Dataran Perniagaan dan Rekreasi Pekan Pauh



Education, Research & Incubator District

PELAN LANDSKAP BAGI PEMBANGUNAN SEDIA ADA :

- Jalan Ulu Pauh – Padang Besar

PELAN LANDSKAP BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN BAHARU :

- Hub Bas Pauh Putra


PELAN INDUK REKA BENTUK BANDAR

Pelan induk reka bentuk bandar menunjukkan komponen-komponen fizikal yang meningkatkan imej dan identiti kawasan kajian.




PELAN INDUK SALIRAN DAN PERPARITAN ROYAL DISTRICT & SATELLITE VILLAGE DISTRICT

Pelan induk saliran dan perparitan *Royal District* dan *Satellite Village* mengandungi cadangan jajaran rizab dan pembinaan longkang monsun. Menyediakan rizab longkang sejajar dengan jalan-jalan utama iaitu Jalan Tuanku Syed Sirajuddin, Jalan Arau-Pauh, Jalan Raja, Jalan Rani Estate dan Jalan Padang Nyu.



PELAN INDUK PENGANGKUTAN DAN LALU LINTAS



PELAN INDUK PELANCONGAN



PRODUK EKO PELANCONGAN

- 1 Bukit Tok Dun

PRODUK MAKANAN & MEMBELI-BELAH

- 2 Nat Pokok Getah
- 3 Cadangan Arau Festival Market
- 4 Cadangan Arau Waremart

PRODUK PELANCONGAN SEJARAH, WARISAN, SENI & BUDAYA

- 5 Kedai Lama Arau
- 6 Monumen dan Rumah Warisan
- 7 Cadangan Dataran Kota Diraja Arau & Galeri Budaya Perlis
- 8 Istana Arau dan Galeri Diraja Arau
- 9 Homestay Paya Guring

PRODUK PELANCONGAN REKREASI DAN SUKAN

- 10 Cadangan Taman Poket Diraja Arau
- 11 Cadangan Plaza Kota Diraja Arau (*River Of Life*)
- 12 Cadangan Dataran Perniagaan Dan Rekreasi Pekan Pauh
- 13 Litar Go-Kart UniMAP
- 14 Kompleks Sukan Tuanku Syed Sirajuddin Areeb Putra
- 15 Basikal Lasak dan Motocross Bukit Mas, Pauh

PRODUK PELANCONGAN PENDIDIKAN

- 16 Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
- 17 Universiti Teknologi Mara Cawangan Perlis, Kampus Arau
- 18 Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin
- 19 Kolej Matrikulasi Perlis

PRODUK PELANCONGAN KEROHANIAN

- 20 Masjid Negeri Arau
- 21 Pusat Sunnah (MAIPs)

KEMUDAHAN PELANCONGAN

- 22 Stesen Diraja Arau
- 23 Hentian Teksi
- 24 Hub Bas Arau
- 25 Kiosk Informasi Pelancongan
- 26 Cadangan Hub Bas Pauh Putra
- 27 Cadangan Motel Butik Arau

Cadangan Pembangunan

5

STRATEGI PERANCANGAN & CADANGAN PEMBANGUNAN RKK KOTA RAJA – PAUH PUTRA

Cadangan
Pembangunan
47

Cadangan
Cepat Win
2022 - 2026
6

Cadangan
jangka Pendek
2022 - 2030
10

Cadangan
jangka Panjang
2022 - 2035
31

SP1 PENGUKUHAN IMEJ KOTA RAJA
BERTERASKAN NILAI ISLAM DAN
WARISAN BUDAYA

SP2 PEMBANGUNAN LESTARI DAN
SEJAHTERA

10 CADANGAN SP 1

- SP1_PT01** Cadangan Menaik Taraf Jalan Utama Dan Membaik Pulih Landskap Serta Perabot Jalan Utama
- SP1_PT02** Cadangan Penambahbaikan Imej Di Kawasan Arca Bunga Emas
- SP1_PT03** Cadangan Penambahbaikan Imej Di Pintu Utama Istana Arau Dan Makam Diraja
- SP1_PT04** Cadangan Gerbang Masuk Dan Monumen
- SP1_PT05** Cadangan Dataran Kota Diraja Arau, Galeri Budaya Perlis, Baik Pulih Dewan Sivik (Kompleks Arena Arau) Dan Cadangan Astaka
- SP1_PT06** Cadangan Arau Festival Market
- SP1_PT07** Cadangan Taman Poket Diraja
- SP1_PT08** Cadangan Penambahbaikan Imej Kawasan Pusat Sunnah MAIPs
- SP1_PT09** Cadangan Penambahbaikan Bangunan, Landskap Dan Perabot Jalan Serta Jambatan Kawasan Rumah Kedai Lama
- SP1_PT10** Cadangan Penambahbaikan Landskap Hab Pengangkutan Awam

12 CADANGAN SP 2

- SP2_PT01** Cadangan Plaza Kota Diraja Arau (River Of Life Sungai Arau)
- SP2_PT02** Cadangan Penambahbaikan Landskap Pekan Pauh
- SP2_PT03** Cadangan Papan Tanda Pauh Putra
- SP2_PT04** Cadangan Kompleks Sukan Pauh Dan Dewan Pauh
- SP2_PT05** Cadangan Elemen Bandar Selamat – Kamera Litar Tertutup, Papan Tanda Peringatan Jenayah Dan Lampu Limpah
- SP2_PT06** Cadangan Program Galakan Berbasikal
- SP2_PT07** Cadangan Program Bandar Selamat
- SP2_PT08** Cadangan Aplikasi Panel Solar
- SP2_PT09** Cadangan Aplikasi Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH)
- SP2_PT10** Cadangan Program Penanaman Semula Pokok Di Taman Perumahan
- SP2_PT11** Cadangan Program Taman Permainan Angkat
- SP2_PT12** Cadangan Program Basikal Lasak Dan Motocross

SP3 PENGUKUHAN EKONOMI BANDAR
SERTA PERTANIAN MODEN DAN
MAMPAN

9 CADANGAN SP 3

- SP3_PT01** Cadangan Penambahbaikan Imej Kompleks Tok Arau dan *Place Making*
- SP3_PT02** Cadangan Arau Waremart
- SP3_PT03** Cadangan Motel Butik Arau
- SP3_PT04** Cadangan Medan Arau, Kota Raja
- SP3_PT05** Cadangan Pusat Informasi Pelancongan
- SP3_PT06** Cadangan Dataran Perniagaan Dan Rekreasi Pekan Pauh
- SP3_PT07** Cadangan Program Inkubator Perniagaan Dan Industri
- SP3_PT08** Cadangan Program Inkubator Usahawan Tani Muda
- SP3_PT09** Cadangan Program *Smart Sawah* Berskala Besar (SMART SBB)

SP4 PEMBANGUNAN BANDAR PINTAR

7 CADANGAN SP 4

- SP4_PT01** Cadangan Pelaksanaan *Smart* Letak Kereta, *Smart* Perkhidmatan Majlis Dan *Smart* Bas Awam
- SP4_PT02** Pelaksanaan *Smart* Perniagaan, *Smart* Masjid Dan *Smart* Pelancongan
- SP4_PT03** Cadangan Pusat Kawalan Data
- SP4_PT04** Cadangan Lampu Isyarat Pintar, Lampu Solar Jalan Dan Taman Serta Stesen Mengecap Kenderaan Elektrik (EV)
- SP4_PT05** Cadangan *Rolling Plan* Keupayaan Digital Mengikut Kepentingan Kluster
- SP4_PT06** Cadangan Mewujudkan Kawasan Wi-Fi Percuma
- SP4_PT07** Cadangan *Common Utility Trench* (CUT)

SP5 SISTEM JALAN RAYA DAN
PENGANGKUTAN AWAM YANG MESRA
PENGGUNA DAN EFISIEN

2 CADANGAN SP 5

- SP5_PT01** Cadangan Jalan Baharu
- SP5_PT02** Cadangan Hub Bas Pauh Putra

SP6 INFRASTRUKTUR DAN UTILITI
HOLISTIK DAN MAMPAN

7 CADANGAN SP 6

- SP6_PT01** Cadangan Pewartaan Reزاب Sungai Arau (Seksyen 62,KTN) dan Penyelenggaraan Sungai Arau
- SP6_PT02** Cadangan Program Kempen Cintai Sungai
- SP6_PT03** Cadangan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Kota Raja
- SP6_PT04** Cadangan Penggunaan *Permeable Pavement* Di Jalan Kecil, Lorong Dan Tempat Letak Kereta
- SP6_PT05** Cadangan Pembinaan Loji Rawatan Kumbahan Berpusat Serantau Untuk Kota Raja Dan Fasiliti Penyimpanan Efluen Kumbahan
- SP6_PT06** Cadangan Program Kempen Kitar Semula Dan Cadangan Pusat Kitar Semula Komuniti
- SP6_PT07** Cadangan Pemasangan Perangkap Sampah Jenis *Log Boom Debris System* Dan *Trash Screen*


SP1_PT01 JANGKA PANJANG (2022-2035)

PENGUKUHAN IMEJ KOTA RAJA BERTERASKAN NILAI ISLAM, WARISAN DAN BUDAYA

CADANGAN MENAIK TARAF JALAN UTAMA DAN MEMBAIK PULIH LANDSKAP SERTA PERABOT JALAN UTAMA

KOMPONEN PROJEK

- i. Pokok hiasan yang bersesuaian di median dan bahu jalan.
- ii. Konkrit bertekstur (*concrete imprint*) dan berwarna di persimpangan empat berhadapan Kompleks Tok Arau serta Istana Arau dan Galeri Diraja Arau.
- iii. Lintasan pejalan kaki di kawasan tumpuan.
- iv. Perabot jalan termasuklah lampu jalan dan papan tanda.



Jalan Tuanku Syed Sirajuddin
 Naik Taraf Dari 30m Kepada 40m
 Luas Pengambilan Tanah 4.44Ek
 Panjang 6.22km
 Anggaran Kos RM41.76 Juta



Jalan Ke Pusat Sunnah MAIPs
 Baik Pulih Jalan & Landskap
 Rizab Semasa 20m
 Panjang 0.14km
 Anggaran Kos RM0.56 Juta

Jalan Syed Hussein - Jalan Pauh (R6)
 Naik Taraf Kepada 4 Lorong
 Rizab Semasa 30m
 Panjang 4.86km
 Anggaran Kos RM29.16 Juta



Jalan Rani Estate
 Baik Pulih Jalan Dan Landskap
 Rizab Semasa 20m
 Panjang 1.68km
 Anggaran Kos RM6.72 Juta

Jalan Padang Nyu
 Baik Pulih Jalan Dan Landskap
 Rizab Semasa 20m
 Panjang 2.72km
 Anggaran Kos RM 10.88 Juta

Jalan Raja
 Naik Taraf Dari 18m Kepada 20m
 Luas Pengambilan Tanah 0.63Ek
 Panjang 1.20km
 Anggaran Kos RM5.30 Juta




SP1_PT02

QUICK WIN (2022-2026)

PENGUKUHAN IMEJ KOTA RAJA BERTERASKAN NILAI ISLAM, WARISAN DAN BUDAYA

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN IMEJ DI KAWASAN ARCA BUNGA EMAS



Kawasan mercu tanda
Arca Bunga Emas yang terletak
di persimpangan
Jalan Tuanku Syed Sirajuddin
dan Jalan Raja

Status Hak Milik Tanah:
Tanah Rizab Kerajaan
Luas 0.07 Ekar

Anggaran Kos:
Rm1.00 Juta

Dataran BUNGA EMAS



SP1_PT03 JANGKA PENDEK(2022-2030)

PENGUKUHAN IMEJ KOTA RAJA BERTERASKAN NILAI ISLAM, WARISAN DAN BUDAYA


CADANGAN PENAMBAHBAIKAN IMEJ DI PINTU UTAMA ISTANA ARAU DAN MAKAM DIRAJA



Anggaran Kos Keseluruhan :
RM1.9 juta

KAWASAN PINTU UTAMA ISTANA ARAU
DAN
GALERI DIRAJA ARAU

Penyediaan kolam air pancuran hiasan automatik yang akan memberikan kesan khas termasuklah perubahan kepada ciri-ciri air yang berwarna-warni serta menghasilkan pelbagai irama bunyi.



KAWASAN PINTU UTAMA MAKAM DIRAJA
Penanaman pokok hiasan serta palma yang bersesuaian.



SP1_PT04 JANGKA PANJANG (2022-2035)


PENGUKUHAN IMEJ KOTA RAJA BERTERASKAN NILAI ISLAM, WARISAN DAN BUDAYA

CADANGAN GERBANG MASUK DAN MONUMEN

Justifikasi Projek :

- Mewujudkan suasana Selamat Datang atau *Sense of Welcoming*.
- Ciri-ciri dan identiti yang unik serta hanya boleh didapati di kawasan *Royal District*.
- Menonjolkan imej *Royal District*.
- Menjadi mercu tanda pintu masuk ke *Royal District* dengan pelbagai reka bentuk untuk setiap jalan utama.

Anggaran Kos Keseluruhan :
RM2.21 Juta



PETUNJUK :

- Lokasi Cadangan SP1_04
- Bangunan
- Sempadan RKK
- Jalan Raya
- Sungai
- Landasan Kereta Api

Penambahbaikan gerbang masuk sedia ada serta penyediaan papan tanda digital di Jalan Tuanku Syed Sirajuddin dari arah Jitra

SP1_PT05 JANGKA PANJANG (2022-2035)

PENGUKUHAN IMEJ KOTA RAJA BERTERASKAN NILAI ISLAM, WARISAN DAN BUDAYA

CADANGAN DATARAN KOTA DIRAJA ARAU, GALERI BUDAYA PERLIS, BAIK PULIH DEWAN SIVIK (KOMPLEKS ARENA ARAU) DAN CADANGAN ASTAKA



Lokasi:
Tapak Dewan Sivik Sedia Ada
Lot 4307 (9.21 Ekar)
Tanah Kerajaan Negeri

Anggaran Kos:
RM6.64 Juta



SP1_PT06 JANGKA PANJANG (2022-2035)

PENGUKUHAN IMEJ KOTA RAJA BERTERASKAN NILAI ISLAM, WARISAN DAN BUDAYA

CADANGAN ARAU FESTIVAL MARKET

Lokasi :

Berhadapan Jalan Tuanku Syed Sirajuddin
7 lot tanah persendirian terlibat
Jumlah keseluruhan keluasan lot adalah 2.94 ekar

Anggaran Kos :
RM13.41 juta



Reka bentuk dalam Arou Festival Market yang dilengkapi dengan kiosk makanan, minuman, kiosk cenderamata, aksesori wanita dan lelaki serta pasar karat dan lukisan jalanan.



Bangunan Arou Festival Market dengan seni bina struktur bangunan berkonsep klasik yang diintegrasikan dengan reka bentuk dalam (interior design) berkonsepkan kontemporari. Reka bentuk bangunan separa terbuka bagi meningkatkan pencahayaan, pengudaraan dan kualiti visual.

SP1_PT07 JANGKA PANJANG (2022-2035)

PENGUKUHAN IMEJ KOTA RAJA BERTERASKAN NILAI ISLAM, WARISAN DAN BUDAYA

CADANGAN TAMAN POKET DIRAJA

Lokasi:


Bersebelahan Istana Arau

Status Hak Milik Tanah:

Tanah Rezab Kerajaan

Lot 698

(0.34 Ekar)



Penyediaan kemudahan yang terdiri dari wakaf, laluan pejalan kaki, lampu taman, arca rehal, lain-lain perabot taman serta penanaman spesies pokok yang bersesuaian dengan tema *Royal District*.

Anggaran Kos:
RM 1.56 juta

SP1_PT08 JANGKA PANJANG (2022-2035)

PENGUKUHAN IMEJ KOTA RAJA BERTERASKAN NILAI ISLAM, WARISAN DAN BUDAYA

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN IMEJ KAWASAN PUSAT SUNNAH MAIPS



Penyediaan kemudahan yang terdiri dari wakaf, laluan pejalan kaki, lampu jalan, papan tanda nama Pusat Sunnah MAIPS, papan informasi dan tempat letak kereta, serta landskap dengan tanaman spesies pokok sesuai dengan tema *Royal District*.

Lokasi:

Berhadapan Pintu Masuk Pusat Sunnah MAIPS dan Bersebelahan Tanah Perkuburan Islam Arau



Status Hak Milik Tanah:
Tanah Rezab Kerajaan


Anggaran Kos:
RM 1.20 Juta



SP1_PT09 JANGKA PENDEK (2022-2030)

PENGUKUHAN IMEJ KOTA RAJA BERTERASKAN NILAI ISLAM, WARISAN DAN BUDAYA

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN BANGUNAN, LANDSKAP DAN PERABOT JALAN SERTA JAMBATAN KAWASAN RUMAH KEDAI LAMA



Komponen :

- Baik pulih fasad bangunan rumah kedai tanpa melaksanakan perubahan kepada seni bina bangunan
- Perabot jalan seperti lampu hiasan, bangku, tong sampah & lain-lain
- Penggunaan turapan telap (interlocking pavement)
- Penambahbaikan jambatan yang menghubungkan ke kawasan rumah kedai lama

Status Hak Milik :
Rizab Kerajaan & Bangunan Kedai
(Swasta / Persendirian)

Anggaran Kos :
RM0.80 juta



SP1_PT10 JANGKA PENDEK (2022-2030)

PENGUKUHAN IMEJ KOTA RAJA BERTERASKAN NILAI ISLAM, WARISAN DAN BUDAYA

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN LANDSKAP HAB PENGANGKUTAN AWAM



Komponen :

Penambahbaikan landskap kejur & lembut

Status Hak Milik Tanah :

Rizab Kerajaan & Perbadanan Aset Keretapi (RAC)

Anggaran Kos :

RM0.35 juta

SP2_PT01 JANGKA PANJANG (2022-2035)
PEMBANGUNAN LESTARI DAN SEJAHTERA

CADANGAN PLAZA KOTA DIRAJA ARAU (RIVER OF LIFE SUNGAI ARAU)




Lokasi :
Sungai Arau

Plaza yang dilengkapi dengan elemen-elemen berikut:

- Gerbang masuk Plaza Kota Diraja Arau
- Taman permainan kanak-kanak serta laluan pejalan kaki / trek jogging
- Kafe taman
- Lain-lain perabot taman

Tanaman pokok hiasan dan pokok teduhan yang bersesuaian dengan persekitaran



Status Hak Milik Tanah :

- Rizab Jabatan Pengairan dan Saliran (6.92 ekar)
- Panjang rizab sungai terlibat adalah 600 meter
- Tanah Persendirian (3.08 ekar)
- Jumlah Luas : 10.00 ekar

Anggaran Kos:
RM18.00 Juta

SP2_PT02 QUICK WIN (2022-2026)
PEMBANGUNAN LESTARI DAN SEJAHTERA

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN LANDSKAP PEKAN PAUH



Lokasi:
Pekan Pauh

Komponen:
Landskap kejur dan
landskap lembut yang
bersesuaian

Anggaran Kos:
RM0.15Juta

SP2_PT03 QUICK WIN (2022-2026)
PEMBANGUNAN LESTARI DAN SEJAHTERA

CADANGAN PAPAN TANDA PAUH PUTRA




Lokasi:
Lebuhraya
Kuala Perlis - Changlun

Komponen:
Papan tanda nama baharu dan
penambahbaikan landskap
lembut di rizab Lebuhraya
Kuala Perlis - Changlun

Anggaran Kos:
RM0.06Juta

SP2_PT04 JANGKA PANJANG (2022-2035)
PEMBANGUNAN LESTARI DAN SEJAHTERA

CADANGAN KOMPLEKS SUKAN PAUH & DEWAN PAUH



Lokasi :
Kampung Kubang
(berhadapan Jalan Pauh (R6)) dan
bersebelahan Masjid Al Mursyid

Status Hak Milik Tanah :
Tanah Persendirian
Lot 3721, 3722, 3723, 2240 dan 530
Luas : 8.72 ekar

Anggaran Kos:
RM39.64 juta



Gabungan bunga hiasan dan pokok renek malar hijau
menghasilkan landskap yang harmoni dan menarik

Komponen :

- Kompleks Sukan Pauh yang dilengkapi dengan fasiliti aktiviti sukan dan rekreasi di kawasan tertutup (indoor) dan kawasan terbuka (outdoor)
- Dewan Pauh
- Kiosk makanan dan minuman serta tempat makan terbuka



Cadangan Dewan Pauh



Cadangan Kompleks Sukan Pauh

CADANGAN PROGRAM BASIKAL LASAK DAN MOTOCROSS

PERINCIAN



JUSTIFIKASI

- Mengeksploitasi keunikan Bukit Mas, Pauh sebagai kawasan berbasikal lasak dan *motocross* yang menjadi salah satu daya tarikan pelancong dalam dan luar negara.
- Mengetengah dan mempromosikan sukan ini sebagai aktiviti riadah yang sihat.



SP3_PT01

JANGKA PENDEK (2022-2030)

PENGUKUHAN EKONOMI BANDAR SERTA PERTANIAN MODEN DAN MAMPAN

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN IMEJ KOMPLEKS TOK ARAU SERTA PLACE MAKING



Komponen :

- Penyediaan landskap kejur yang unik ceria dan harmoni dengan persekitaran
- Penanaman pokok hiasan dan teduhan
- Penyediaan lintasan pejalan kaki 3 dimensi dan seni lukisan jalanan (mural)

Lokasi :
Kompleks Tok Arau

Status Hak Milik Tanah :
Rizab Kerajaan

Anggaran Kos :
RM1.30 Juta



Cadangan seni lukisan jalanan (mural)



SP3_PT02

JANGKA PANJANG (2022-2035)

PENGUKUHAN EKONOMI BANDAR SERTA PERTANIAN MODEN DAN MAMPAN

CADANGAN ARAU WAREMART



Arau Waremart yang dilengkapi dengan kios-kiosk perniagaan

Status Hak Milik Tanah:
Perbadanan Aset Keretapi (RAC)

Lokasi:
Berhampiran Hub Bas Arau

Anggaran Kos:
RM 3.59Juta



SP3_PT03 JANGKA PANJANG (2022-2035)

PENGUKUHAN EKONOMI BANDAR SERTA PERTANIAN MODEN DAN MAMPAN

CADANGAN MOTEL BUTIK ARAU



Lokasi :

Berhampiran Hub Bas Arau dan
Medan Selera Arau

Status Hak Milik Tanah :

Perbadanan Aset Keretapi (RAC)

Pembangunan semula Kuarters KTMB
yang usang (kawasan brownfield)
kepada kemudahan penginapan
baharu yang kondusif iaitu
Motel Butik Arau

Anggaran Kos:

RM1.72 Juta



Motel butik dijangka akan memberi manfaat kepada pertumbuhan ekonomi setempat serta meningkatkan imej kawasan Royal District



SP3_PT04 JANGKA PENDEK (2022-2030)

PENGUKUHAN EKONOMI BANDAR SERTA PERTANIAN MODEN DAN MAMPAN

CADANGAN MEDAN ARAU, KOTA RAJA



Lokasi :
Bersebelahan Medan Selera Arau dan berhadapan Masjid Negeri, Arau

Status Hak Milik Tanah :
Tanah Kerajaan
(0.294 ekar)

Anggaran Kos :
RM1.78 Juta

Komponen :

- Kiosk perniagaan pakaian
- Taman poket / laman santai yang dilengkapi dengan elemen landskap lembut dan landskap kejur termasuklah bangku taman, pentas / platform, pancuran air serta lain-lain perabot taman
- Kemudahan tandas

Memberi nafas baharu kepada kawasan perniagaan sedia ada dengan penyediaan kemudahan perniagaan yang terancang serta dilengkapi dengan pelbagai kemudahan bagi para pengunjung. Kemudahan membeli-belah yang selesa dan santai. Pengunjung akan dihiburkan dengan live band yang dapat menceriakan suasana.



SP3_PT05

JANGKA PANJANG (2022-2035)

PENGUKUHAN EKONOMI BANDAR SERTA PERTANIAN MODEN DAN MAMPAN

CADANGAN PUSAT INFORMASI PELANCONG



Lokasi:
Berhampiran Hub Bas Arau

Status Hak Milik Tanah:
Perbadanan Aset Keretapi (RAC)

Anggaran Kos:
RM0.30 Juta



- Booth penerangan pelancongan
- Penambahbaikan landskap kejur dan lembut di sekitar kawasan booth




SP3_PT06 JANGKA PANJANG (2022-2035)

PENGUKUHAN EKONOMI BANDAR SERTA PERTANIAN MODEN DAN MAMPAH

CADANGAN DATARAN PERNIAGAAN DAN REKREASI PEKAN PAUH



Lokasi :
Berhadapan Jalan Syed Hussein (R6),
Kampung Hutan serta bertentangan
dengan kawasan Nat Pokok Getah



Status Hak Milik Tanah :
Tanah Persendirian
Sebahagian Lot 502, Lot 246,
Lot 249 dan Lot 250

Komponen :
Kawasan perniagaan dan rekreasi
terancang yang dilengkapi dengan
pelbagai kemudahan termasuklah
kiosk dan tempat makan terbuka,
tempat letak kenderaan, trek jogging
dan alat permainan yang
menyokong aktiviti Pasar Pagi di
Nat Pokok Getah

Anggaran Kos :
RM11.66 juta



SP3_PT07 JANGKA PANJANG (2022-2035)

PENGUKUHAN EKONOMI BANDAR SERTA PERTANIAN MODEN DAN MAMPAN

CADANGAN PROGRAM INKUBATOR PERNIAGAAN DAN INDUSTRI

Matlamat program inkubator ini adalah untuk mewujudkan perniagaan sehingga berjaya bergerak sendiri dan mempunyai kewangan yang stabil. Perniagaan yang telah tamat program inkubator ini mampu bergerak dengan sendirinya dan akan mewujudkan peluang pekerjaan, meningkatkan ekonomi tempatan dan mengkomersialkan teknologi terbaharu.

**Program Inkubator
Perniagaan & Industri
Di UniMAP &
UiTM Arau**

Program pembangunan ekonomi yang ditubuhkan untuk meningkatkan kejayaan dan perkembangan dalam perniagaan. Untuk merealisasikan matlamat tersebut, perniagaan yang baharu dimulakan akan dilengkapi dengan kemudahan, sumber, kelengkapan, dana dan bantuan perkhidmatan untuk membantu mereka menempatkan diri dalam pembangunan fasa pertama.

**Kemudahan Inkubator
Perniagaan & Industri**

Tumpuan mengikut sektor terpilih seperti bidang teknologi informasi yang menumpukan kepada *Internet of Things*, *Virtual Reality* dan *Artificial Intelligent*. UniMAP dan UiTM Arau menjadi pusat rujukan dan fasilitator bagi inkubator perniagaan dan industri ini mengikut bidang usahawan dan kepakaran UniMAP serta UiTM dalam bidang teknologi informasi kejuruteraan.



SP3_PT08 JANGKA PANJANG (2022-2035)

PENGUKUHAN EKONOMI BANDAR SERTA PERTANIAN MODEN DAN MAMPAN

CADANGAN PROGRAM INKUBATOR USAHAWAN TANI MUDA

PERINCIAN

Memberi galakan kepada usahawan tani muda untuk bergiat dalam bidang pertanian moden yang menjadi sebagai usahawan yang memberi khidmat profesional kepada pesawah dan petani. Inkubator teknologi pertanian dicadangkan di UniMAP dan UiTM Arau bagi memberi pendedahan dan membentuk usahawan tani muda melalui pendedahan kepada teknologi moden dalam industri pertanian.

BIDANG DIBERI TUMPUAN

Automasi dalam sektor perladangan dikaitkan dengan pertanian pintar (*Smart Farming*) membolehkan pengurusan ladang lebih efisien, kitaran pengeluaran tanaman atau ternakan dapat diuruskan secara automasi

Penggunaan analisis data raya boleh diperkembangkan dengan teknologi sensor seperti sensor yang ditanam dalam tanah untuk merekodkan kelembapan tanah dan tahap pembajaan yang diperlukan

Penggunaan teknologi berasaskan awan (*Cloud-Based Technology*) membolehkan pemantauan iklim ladang secara automatik. Pengusaha ladang dapat diberi isyarat jika sesuatu masalah di ladang.

Integrasi teknologi di atas mampu membina ekosistem pertanian berasaskan teknologi digital iaitu pertanian pintar. Pengusaha dapat mengawal kelembapan keadaan tanah dan suhu bagi menjamin pengeluaran hasil berkualiti secara konsisten.



CADANGAN PROGRAM SMART SAWAH BERSKALA BESAR (SMART SBB)

PERINCIAN

- Program ini menyatukan tanah sawah untuk membentuk satu sistem pengurusan ladang berpusat.
- Sistem ini dapat mengoptimumkan penggunaan sumber sedia ada serta meningkatkan kecekapan aktiviti penanaman dan pengeluaran hasil padi.



Pesawah sebagai rakan kongsi utama kerajaan

Program dilaksanakan oleh agensi kerajaan / sektor swasta dengan Jabatan Pertanian Malaysia & Lembaga Pertubuhan Peladang



Kaedah Pelaksanaan Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB)

1 Kawasan-kawasan tanah padi yang terbiar dan berskala kecil akan menjadi sasaran utama bagi program ini. Agensi kerajaan / sektor swasta yang dilantik akan bekerjasama dengan pemilik sawah dan memberi pendedahan teknik amalan pertanian terbaik bagi menguruskan sawah berskala besar.

Kawasan tanah padi yang terbiar serta berskala kecil akan dikenal pasti dan dilaksanakan *Smart SBB* berdasarkan persetujuan dengan tuan tanah melalui penyelarasan Jabatan Pertanian, Lembaga Pertubuhan Peladang. Sawah-sawah ini akan digabungkan dan dijadikan entiti ladang sawah berskala besar iaitu melebihi 100 hektar.

3 Konsep pertanian moden melalui sistem profil tanah pertanian pintar, kaedah teknologi baharu penggunaan internet IoT selaras dengan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) akan diguna pakai dalam mengurus *Smart SBB* bagi meningkatkan hasil per hektar.


JUSTIFIKASI

- Memberi galakan kepada pesawah untuk meningkatkan pendapatan dengan turut serta dalam melaksanakan program dan projek *Smart SBB*.
- Menggalakkan pembangunan sawah berskala besar dengan menggunakan teknologi terkini serta mengurangkan masalah sawah terbiar dan sawah berskala kecil serta meningkatkan produktiviti hasil pengeluaran padi.



SP4_PT04 JANGKA PANJANG (2022-2035)
PEMBANGUNAN BANDAR PINTAR

CADANGAN LAMPU ISYARAT PINTAR, LAMPU SOLAR JALAN DAN TAMAN SERTA STESEN MENGECAS KENDERAAN ELEKTRIK (EV)



- Lampu Isyarat Pintar**
Sistem ini membolehkan sistem lampu trafik sedia ada diubah suai dengan mengagihkan tempoh masa lampu isyarat hijau secara automatic.



- Lampu Solar Jalan Dan Taman**
Lampu solar jalan dan taman bagi pembangunan baharu dan lampu jalan sedia ada dicadangkan untuk penggunaan mentol LED untuk penjimatan tenaga.




- Stesen Cas Kenderaan Elektrik (EV)**
Penyediaan beberapa unit stesen pengecas di stesen minyak, hab pengangkutan awam dan Kompleks Tok Arau.



SP5_PT01 JANGKA PENDEK (2022-2030)
SISTEM JALAN RAYA DAN PENGANGKUTAN AWAM YANG MESRA PENGGUNA DAN EFISIEN

CADANGAN JALAN BAHARU



Lokasi :
Jalan baharu yang akan dibina menyambung Jalan Guar Gajah (R137) melalui Jalan Rani Estate (R143) sehingga Jalan Padang Siding (R139) yang berstatus jalan luar bandar (piawai JKR R2) sejauh 3.5km.


Anggaran Kos : Penyediaan jalan baharu telah ditetapkan oleh pihak JKR

SP5_PT02

JANGKA PENDEK (2022-2030)

SISTEM JALANRAYA DAN PENGANGKUTAN AWAM YANG MESRA PENGGUNA DAN EFISIEN

CADANGAN HUB BAS PAUH PUTRA



Hab bas yang dilengkapi dengan kemudahan tempat letak kenderaan, tempat berteduh, tempat duduk dan sistem maklumat penumpang elektronik. Bahan binaan utama adalah besi.

Lokasi:

Berhampiran kawasan komersial (Medan Universiti) dan terletak berhadapan Jalan Ulu Pauh - Padang Besar

Status Hak Milik Tanah:

Tanah Persendirian
Lot 8325 (1.82 Ekar)



Anggaran Kos:

RM 1.91 Juta




SP6_PT03 JANGKA PENDEK (2022-2030)
INFRASTRUKTUR DAN UTILITI HOLISTIK DAN MAMPAN

CADANGAN RANCANGAN TEBATAN BANJIR (RTB) KOTA RAJA



Lokasi:
Kawasan yang berhampiran LRA Arau dan Taman Bersatu
Cadangan rangkaian longkang monsun berfungsi mengalirkan air larian permukaan (run-off).



Lokasi:
Kg. Titi Besi dan kawasan sekitarnya
Cadangan meninggikan tebing Sungai Arau di kawasan berkenaan sehingga bertemu Terusan Utara

PETUNJUK :



- Longkang Monsun
- Benteng Sungai : 1.0 meter
- Arah Aliran
- Sempadan RKK
- Jalan Raya
- Sungai dan Saliran
- Landasan Kereta Api

Fokus RTB Kota Raja adalah mengurangkan impak dan intensiti banjir kilat yang dialami di dua (2) kawasan, iaitu;

- Kawasan yang berhampiran Loji Rawatan Air (LRA) Arau dan Taman Bersatu
- Kg. Titi Besi dan kawasan sekitarnya

SP6_PT05 JANGKA PANJANG (2022-2035)
INFRASTRUKTUR DAN UTILITI HOLISTIK DAN MAMPAN

CADANGAN PEMBINAAN LOJI RAWATAN KUMBAHAN BERPUSAT SERANTAU UNTUK KOTA RAJA DAN FASILITI PENYIMPANAN EFLUEN KUMBAHAN




Lokasi:
Berhampiran Uitm Arau
status Hak Milik Tanah :
Tanah Persendirian
Lot 6427, Mukim Arau
Luas 4.646 ekar

- Mempertingkatkan keupayaan sistem pembetungan lestari dan hijau dengan mengutamakan amalan kumbahan berpusat dan penyaluran secara *connected service* dan dijangka akan dapat menampung unjuran *Population Equivalent (PE)* sebanyak 36,025PE sehingga tahun 2045
- Kemudahan tambahan, dicadangkan juga fasiliti penyimpanan air efluen kumbahan untuk kegunaan *non-portable* seperti aktiviti penyiraman, landskap, pembersihan dan pencegahan kebakaran.

Anggaran Kos : RM11.66 Juta

SP6_PT06 JANGKA PANJANG (2022-2035)
INFRASTRUKTUR DAN UTILITI HOLISTIK DAN MAMPAN

CADANGAN PUSAT KITAR SEMULA KOMUNITI DAN KEMPEN KITAR SEMULA



Keadaan Semasa Tapak Cadangan



Contoh Pusat Kitar Semula Komuniti

Profil Projek :

Mewujudkan Pusat Kitar Semula Komuniti di pusat perniagaan strategik bagi mempertingkatkan dan menggalakkan warga setempat untuk melaksanakan aktiviti kitar semula.

Justifikasi:

- Beroperasi sebagai pusat sehenti (*one stop centre*) untuk memudahkan orang ramai mengitar semula bahan-bahan berkaitan serta akan diberi bayaran yang bersesuaian apabila mereka membawa barang kitar semula ke pusat ini.
- Kewujudkan pusat ini dapat mendekatkan masyarakat kepada prasarana dan kemudahan kitar semula serta sekaligus meningkatkan kadar kitar semula.

RUMUSAN CADANGAN PEMBANGUNAN

KOD	PROJEK	PROJEK UTAMA (QUICK WIN)	FASA PELAKSANAAN			AGENSI TERLIBAT		KOS PROJEK (RM/JUTA)	SUMBER KEWANGAN
			2022 – 2026	2022 – 2030	2022 – 2035	PEMULA	PELAKSANA		
SP1_PT01	Cadangan Menaik Taraf Jalan Utama Dan Membaik Pulih Landskap Serta Perabot Jalan Utama					BPEN	JKR	75.06	Kerajaan Persekutuan / Negeri
SP1_PT02	Cadangan Penambahbaikan Imej Di Kawasan Arca Bunga Emas					MAIPs / MPK	MPK / JKR	1.00	MPK / Kerajaan Negeri
SP1_PT03	Cadangan Penambahbaikan Imej Di Pintu Utama Istana Arau Dan Makam Diraja					MAIPs / MPK / BPEN	MPK / JKR	1.90	Kerajaan Persekutuan / Negeri
SP1_PT04	Cadangan Gerbang Masuk dan Monumen					MPK	MPK / JKR	2.21	Kerajaan Persekutuan / Negeri
SP1_PT05	Cadangan Dataran Kota Diraja Arau, Galeri Budaya Perlis, Baik Pulih Dewan Sivik (Kompleks Arena Arau) Dan Cadangan Astaka					BKT / MPK	MPK	6.64	Kerajaan Persekutuan / Negeri
SP1_PT06	Cadangan <i>Arau Festival Market</i>					BPEN	Kerajaan Negeri / Swasta	13.41	Kerajaan Negeri / Swasta
SP1_PT07	Cadangan Taman Poket Diraja					MAIPs / MPK	MPK	1.56	Kerajaan Persekutuan / Negeri / Swasta
SP1_PT08	Cadangan Penambahbaikan Imej Kawasan Pusat Sunnah MAIPs					MAIPs / MPK	MPK	0.20	Kerajaan Persekutuan / Negeri
SP1_PT09	Cadangan Penambahbaikan Bangunan, Landskap Dan Perabot Jalan Serta Jambatan Kawasan Rumah Kedai Lama					MPK / Pemilik Bangunan	MPK / Pemilik Bangunan	0.80	MPK
SP1_PT10	Cadangan Penambahbaikan Landskap Hab Pengangkutan Awam					MPK / RAC	MPK / JLN / RAC	0.35	MPK / Kerajaan Negeri
SP2_PT01	Cadangan Plaza Kota Diraja Arau (<i>River Of Life Sungai Arau</i>)					BPEN / MPK / JPS	Kerajaan Persekutuan / JLN / JPS / MADA	18.00	Kerajaan Persekutuan / Negeri / JLN
SP2_PT02	Cadangan Penambahbaikan Landskap Pekan Pauh					MPK	MPK	0.15	MPK / Kerajaan Persekutuan
SP2_PT03	Cadangan Papan Tanda Pauh Putra					MPK	MPK	0.06	MPK
SP2_PT04	Cadangan Kompleks Sukan Pauh Dan Dewan Pauh					BPEN / MPK	MPK / JKR / Majlis Sukan Negeri	39.64	Kerajaan Persekutuan / Negeri
SP2_PT05	Cadangan Elemen Bandar Selamat – Kamera Litar Tertutup, Papan Tanda Peringatan Jenayah Dan Lampu Limpah					MPK	MPK	0.40	MPK
SP2_PT06	Cadangan Program Galakan Berbasikal					MAIPs / MPK	MAIPs / MPK	0.10	Kerajaan Persekutuan
SP2_PT07	Cadangan Program Bandar Selamat					MPK	MPK / Swasta	0.10	MPK
SP2_PT08	Cadangan Aplikasi Panel Solar					Pemilik Bangunan	Pemilik Bangunan	-	Pemilik Bangunan
SP2_PT09	Cadangan Aplikasi Sistem Penuaian Air Hujan (SPAHi)					Pemilik Bangunan	Pemilik Bangunan	-	Pemilik Bangunan
SP2_PT10	Cadangan Program Penanaman Semula Pokok Di Taman Perumahan					MPK / Swasta	MPK / Swasta	0.10	MPK / Swasta
SP2_PT11	Cadangan Program Taman Permainan Angkat					MPK / Penduduk Taman Perumahan	MPK / Penduduk Taman Perumahan	0.20	MPK / Swasta
SP2_PT12	Cadangan Program Basikal Lasak Dan <i>Motocross</i>					MPK / Swasta	MPK / Swasta	0.10	MPK / Swasta
SP3_PT01	Cadangan Penambahbaikan Imej Kompleks Tok Arau Serta <i>Place Making</i>					MPK / Pemilik Bangunan	MPK / Pemilik Bangunan / Swasta	1.30	MPK / Pemilik Bangunan / Swasta

KOD	PROJEK	PROJEK UTAMA (QUICK WIN)	FASA PELAKSANAAN			AGENSI TERLIBAT		KOS PROJEK (RM/JUTA)	SUMBER KEWANGAN
			2022 – 2026	2022 – 2030	2022 – 2035	PEMULA	PELAKSANA		
SP3_PT02	Cadangan Arau Waremart					MPK / RAC	RAC / Swasta	3.50	RAC / Swasta
SP3_PT03	Cadangan Motel Butik Arau					MPK / RAC	RAC / Swasta	1.72	RAC / Swasta
SP3_PT04	Cadangan Medan Arau, Kota Raja					MPK / MAIPs	MPK / MAIPs / Swasta	0.85	Kerajaan Negeri / Swasta
SP3_PT05	Cadangan Pusat Informasi Pelancongan					MOTAC / MPK	MOTAC	0.30	Kerajaan Persekutuan / Negeri
SP3_PT06	Cadangan Dataran Perniagaan Dan Rekreasi Pekan Pauh					BPEN / MPK	MPK	11.66	Kerajaan Persekutuan / Negeri
SP3_PT07	Cadangan Program Inkubator Perniagaan Dan Industri					Usahawan Individu / UniMAP / UiTM Arau	Usahawan Individu / UniMAP / UiTM Arau	-	Kerajaan Persekutuan / MEDAC
SP3_PT08	Cadangan Program Inkubator Usahawan Tani Muda					Usahawan Individu / UniMAP / UiTM Arau	Usahawan Individu / UniMAP / UiTM Arau	-	Kerajaan Persekutuan / Jabatan Pertanian Negeri Perlis
SP3_PT09	Cadangan Program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB)					Jabatan Pertanian / Lembaga Pertubuhan Peladang / Bernas / Syarikat Swasta	MADA / Swasta dengan pemantauan Jabatan Pertanian dan Lembaga Pertubuhan Peladang	-	Swasta
SP4_PT01	Cadangan Pelaksanaan Smart Letak Kereta, Smart Perkhidmatan Majlis dan Smart Bas Awam					MPK / MARA LINER SDN BHD	MPK / MARA LINER SDN BHD	0.70	MPK / Kerajaan Persekutuan
SP4_PT02	Cadangan Pelaksanaan Smart Perniagaan, Smart Masjid Dan Smart Pelancongan					MOTAC / MPK / MAIPs / BPEN	MAIPs / MOTAC / MPK	0.6	Kerajaan Persekutuan / Negeri
SP4_PT03	Cadangan Pusat Kawalan Data					SKMM / MPK	SKMM / MPK	1.00	Kerajaan Persekutuan / Negeri
SP4_PT04	Cadangan Lampu Isyarat Pintar, Lampu Solar Jalan Dan Taman Serta Stesen Mengecap Kenderaan Elektrik (EV)					MPK / JKR	MPK / JKR	1.22	MPK / JKR
SP4_PT05	Cadangan Rolling Plan Keupayaan Digital Mengikut Kepentingan Kluster					SKMM / MPK	SKMM / MPK	-	Kerajaan Persekutuan / Negeri
SP4_PT06	Cadangan Mewujudkan Kawasan Wi-Fi Percuma					SKMM / MPK	SKMM / MPK	0.16	SKMM / MPK
SP4_PT07	Cadangan Common Utility Trench (CUT)					JKR	JKR	-	Kerajaan Persekutuan
SP5_PT01	Cadangan Jalan Baharu					JKR	JKR	-	JKR
SP5_PT02	Cadangan Hub Bas Pauh Putra					BPEN	JKR	1.91	Kerajaan Negeri
SP6_PT01	Cadangan Pewartaan Rezab Sungai Arau (Seksyen 62, KTN) Penyelenggaraan Sungai Arau					JPS	JPS	-	JPS
SP6_PT02	Cadangan Kempen Cintai Sungai					MPK / JPS	MPK / JPS	0.05	MPK / Swasta
SP6_PT03	Cadangan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Kota Raja					JPS / JKR	JPS / JKR	0.75	JPS / JKR
SP6_PT04	Cadangan Pengguna Permeable Pavement Di Jalan Kecil, Lorong dan Tempat Letak Kereta					MPK	MPK / Swasta	0.06	MPK
SP6_PT05	Cadangan Pembinaan Loji Rawatan Kumbahan Berpusat Serantau Untuk Kota Raja Dan Fasilitas Penyimpanan Efluen Kumbahan					SPAN / JPP	SPAN / JPP	3.80	SPAN / JPP
SP6_PT06	Cadangan Pusat Kitar Semula Komuniti Dan Kempen Kitar Semula					MPK	MPK	0.15	MPK
SP6_PT07	Cadangan Pemasangan Perangkap Sampah Jenis Log Boom Debris System Dan Trash Screen					JPS / MPK	JPS	0.17	JPS / MPK

